

Gantung, tarik lesen jika seleweng subsidi



Saifuddin (dua dari kanan) menunjukkan minyak bersubsidi yang dijual secara terbuka oleh peniaga semasa melakukan tinjauan di pasar Sungai Golok, Thailand semalam.

RANTAU PANJANG - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menggantung dan menarik lesen serta melakukan pendakwaan ke atas mana-mana syarikat yang didapati terlibat dengan penyelewengan barangan subsidi kerajaan melalui aktiviti penyeludupan ke negara jiran.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, penguatkuasaan berterusan itu penting bagi memastikan aktiviti tersebut dapat dikurangkan.

"Tujuan kita satu iaitu mahu rakyat dapat menikmati subsidi yang disediakan kerajaan dengan sebaik mungkin.

"KPDNHEP sama sekali tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat dalam menjalankan kegiatan tersebut," katanya kepada pemberita selepas melakukan tinjauan di pasar Sungai Golok, Thailand di sini semalam.

Hadir sama, Pengarah KPDNHEP Kelantan, Adnan Abd Rahman.

Menurut Saifuddin, hasil tinjauan yang dilakukan mendapati terdapat barangan subsidi untuk rakyat Malaysia turut dijual di sekitar pasar berkenaan.

Katanya, tinjauan itu juga secara tidak langsung memberikan maklumat jelas kepada KPDNHEP mengenai ketirisan barangan subsidi.

"Ini lawatan kedua saya ke Sungai Golok kerana kita sedia maklum kerajaan menghadapi kebocoran rentas sempadan dan industri, malali kegiatan ini (penyeludupan barangan subsidi) bukan perkara baharu tetapi telah berlaku sejak sekian lama," katanya.

Saifuddin berkata, apa yang dilihatnya itu memberi input penting kepada KPDNHEP sebelum memperincikan masalah yang berlaku bagi mencari jalan penyelesaian terbaik untuk mengatasi masalah tersebut.

"Walaupun sukar untuk menangani isu ini kerana sempadan yang luas dan kekangan kakitangan tetapi KPDNHEP tetap berusaha bagi mengurangkan kegiatan tersebut," kata beliau.